

27 MAR 1998

Mahathir-Air

ANWAR AKAN Pengerusi Mesyuarat Selesai Masalah Air, Kata Dr Mahathir

JITRA, 27 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mempengerusikan satu mesyuarat bagi mencari jalan penyelesaian terhadap masalah air yang semakin krikital, kata Perdana Menteri hari ini.

"Anwar akan diberi taklimat mengenai masalah itu yang melanda lima negeri, Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masalah itu ada kaitan dengan perubahan iklim ketika ini dan langkah yang paling berkesan ialah setiap orang mestilah mengambil langkah berjimat-cermat.

Ketika ini pun kerajaan telah menjalankan beberapa rancangan untuk mengatasi masalah ini dan ia mengambil masa lima bulan untuk melihat keberkesanannya, katanya.

Beliau enggan menghuraikan butir-butir mengenai rancangan itu.

"Jika dalam masa itu hujan lebat turun, rancangan yang dibuat pastinya akan menjadi tidak berkesan," katanya sebagai mengulas masalah yang dialami oleh lima negeri terbabit jika musim kemarau tidak berakhir dalam tempoh tiga atau empat minggu lagi.

Mengulas kejadian rusuhan pendatang tanpa izin di kem tahanan Semenyih di Selangor, Lenggeng di Negeri Sembilan dan Macap Umbo di Melaka awal pagi semalam, Perdana Menteri berkata ia adalah suatu yang di luar jangkaan.

Katanya pihak keselamatan terpaksa menggunakan senjata bagi mengawal diri untuk meleraikan keganasan yang dimulakan oleh pendatang tanpa izin yang menggunakan besi dan kayu kerana enggan dihantar pulang ke Indonesia.

"Mereka yang mula menyerang sehingga menyebabkan kematian seorang anggota polis. Bagaimanapun peristiwa ini tidak akan menjejaskan keputusan kita untuk menghantar mereka pulang," katanya.

Dalam kejadian terbabit, Koporal Nasaruddin Yeop, 35, anggota Polis Simpanan Persekutuan (FRU) dan lapan pendatang tanpa izin terbunuh dalam rusuhan di kem tahanan Semenyih, yang terburuk di antara tiga kejadian rusuhan itu.

Seramai 27 anggota polis yang lain cedera, empat daripadanya parah. Tiga tahanan turut cedera parah di Semenyih dan kini dirawat di Hospital Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata urusan penghantaran pulang pendatang tanpa izin bukannya mudah kerana melibatkan aspek kawalan, konvoi dan semua ini memerlukan belanja yang tinggi.

Ditanya adakah perlu kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) digunakan untuk menghantar mereka pulang, beliau berkata ketika ini ia tidak diperlukan dan akan dikaji semula jika ada keperluan.

Ketika ini urusan penghantaran pulang pendatang tanpa izin ke Indonesia dilakukan dengan feri dari Melaka ke Dumai di Sumatera.

Penghantaran pulang pendatang Indonesia semalam melalui Lumut, menggunakan kapal tentera laut negara itu. -- BERNAMA

MAN JM RON